

8.30 pagi

- Pendaftaran
- Ketibaan jemputan

9.00 pagi

- Ketibaan Ketua Pengarah MARDI dan barisan JPKM serta pembentang syarahan
 - Bacaan doa
 - Sesi memperkenalkan pembentang
 - Pembentangan oleh Rosna Amir
- Tajuk**
“Data-Driven Decision Making Satu Harapan ke Arah Hab Perkongsian dan Pengurusan Data”

10.30 pagi

- Jamuan ringan/bersurai



Intellectual discourse

Data-Driven Decision Making

Satu Harapan ke Arah
Hab Perkongsian dan Pengurusan Data

20 Feb. 2017 (Isnin)

Rosna Amir
Pusat Pengurusan Maklumat

Dewan Tan Sri Yusuff Hashim
Ibu Pejabat MARDI,
Serdang



Rosna Amir
Dilahirkan pada
20 Jun 1958 di
Johor Bahru,
Johor

Pendidikan:

Sekolah Rendah dan Menengah

- Sekolah Rendah Kebangsaan Bandar Tinggi, Johor Bahru, Johor (1965 – 1970)
- Sekolah Menengah Perempuan Sultan Ibrahim, Johor Bahru, Johor (1971 – 1976)

Institusi Pengajian Tinggi

- Diploma Statistik, Institut Teknologi MARA (1980)
- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, Universiti Kebangsaan Malaysia (1989)
- Diploma Penterjemahan dengan Kepujian – Sains dan Teknik, PPM-DBP (1991)
- Ijazah Sarjana Sains Komputer, Universiti Putra Malaysia (2009)

Pengalaman kerja dan pencapaian

Rosna Amir memulakan kerjaya sebagai Penolong Pegawai Penyelidik di Cawangan Khidmat Memproses Data, Ibu Pejabat MARDI pada 1 Oktober 1980 setelah menamatkan pengajian Diploma Statistik. Beliau telah berjaya membangunkan beberapa sistem aplikasi untuk kegunaan dalaman institut dengan menggunakan pakej *Statistical Analysis System (SAS)* di Pusat Komputer, Bank Negara Malaysia. Selain itu, beliau turut membantu menyediakan analisis data penyelidikan menggunakan pakej SAS kepada pegawai penyelidik MARDI yang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah sebelum MARDI mempunyai infra Pusat Data tersendiri pada tahun 1986.

Beliau telah diberi tawaran untuk melanjutkan pelajaran sepenuh masa di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1986. Sekembalinya ke MARDI, beliau ditawarkan jawatan Juruanalisa Sistem pada 1991 dan ditempatkan di Pusat Komputer, Ibu Pejabat MARDI.

Pengalaman beliau selama tiga bulan menimba ilmu di *The National Centre For Information Technology (NCC)*, United Kingdom pada 1993 telah meraih kepercayaan penuh daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk membangunkan sebuah sistem perakaunan bagi kegunaan dalaman bank tersebut. Beliau telah melibatkan diri sepenuh masa dalam menjayakan pembangunan dan pelaksanaan sistem perakaunan *Standard Accounting for Government Agencies (SAGA)* di MARDI yang kini dikenali sebagai Sistem Kewangan Bersepadu MARDI (SKBM) bersama pihak pembekal sejak 1997. MARDI adalah agensi perintis dalam pemakaian sistem SAGA

dalam kalangan agensi badan berkanun. Oleh kerana minat dan dedikasi yang tinggi dalam menyempurnakan sistem ini, pihak pembekal telah memberi kepercayaan penuh melantik beliau sebagai tenaga pengajar sistem SAGA kepada beberapa agensi badan berkanun lain termasuklah MATRADE, Pelabuhan Klang, LPP, MADA dan lain-lain.

Pada 1 Februari 2002, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah di Bahagian Pengurusan Sumber Maklumat semasa MARDI melaksanakan penstrukturan baru pada tahun tersebut.

Beliau juga telah diberi tawaran kali kedua untuk melanjutkan pelajaran secara separuh masa di peringkat Ijazah Sarjana pada 2006 di Universiti Putra Malaysia dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pengarah di Bahagian Pengurusan Sumber Maklumat pada 1 April 2008 yang kini dikenali sebagai Pusat Pengurusan Maklumat.

Tanggungjawab lain

Rosna telah diberi kepercayaan penuh oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk dilantik sebagai pengarah projek dalam menerajui inisiatif projek mega *ICT Agriculture Flagship* – Fasa I, peringkat MOA bermula 2014 sehingga kini.

Beliau juga turut diberi tanggungjawab untuk mengetuai kluster Agro IT pada MAHA 2016 yang julung kali diwujudkan.

Anugerah

Atas dedikasi dalam perkhidmatan, Rosna telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 1996, 2002 dan 2012 serta Anugerah Perkhidmatan Setia MARDI pada 2007.

Data-Driven Decision Making

Satu Harapan ke Arah Hab Perkongsian dan Pengurusan Data

Pelan Strategik ICT Sektor Awam (PSICTSA) 2016 – 2020 amat penting bagi menyokong aspirasi negara dalam fasa terakhir mencapai status negara maju menjelang 2020. PSICTSA dibangunkan dengan mengambil kira perubahan senario dan persekitaran semasa ICT sektor awam, amalan terbaik ICT global, cabaran ekonomi dunia dan aspirasi negara menjelang 2020 dan disejajarkan dengan hasrat RMKe-11 yang memberi tumpuan utama kepada penghasilan *outcome* yang efektif melalui transformasi perkhidmatan awam yang berpaksikan rakyat.

Terdapat lima Teras Strategik ICT dan 12 Strategi serta 30 Program bagi mencapai visi ICT ‘Kerajaan Digital Inklusif Pemacu Penyampaian Perkhidmatan Berpaksikan Rakyat’. Lima Teras Strategik yang telah digariskan menerusi PSICTSA ini terdiri daripada Perkhidmatan Digital Bersepadu, Kerajaan Berpacuan Data, Perkhidmatan Guna Sama yang Optimum dan Pengukuhan Keselamatan Siber, Tadbir Urus ICT yang Kolaboratif dan Dinamik serta Modal Insan Yang Profesional dan Berkeupayaan.

Dua program dibawah Teras Strategik ke-2 PSICTSA perlu diaplikasikan dalam merealisasikan inisiatif *data-driven decision making* di MARDI iaitu:

- Pembangunan tadbir urus data**
 Mewujudkan struktur tadbir urus, dasar dan perundangan berkaitan dengan data MARDI bagi menggalak dan memudahkan amalan perkongsian data. Penentuan hala tuju dan strategi pengurusan dan penyelarasan data memudahkan rujukan PTJ dan agensi. Perkongsian data juga akan lebih telus, selaras dan terancang. Pelaksanaan program ini dapat mewujudkan strategi dan pelan pelaksanaan bagi perkongsian maklumat merentasi PTJ dan agensi. Kemajuan pelaksanaan platform dan aplikasi perkongsian maklumat merentasi PTJ juga boleh dipantau dan isu-isu pengoperasian dalam perkongsian maklumat merentasi PTJ dapat diselesaikan. Oleh demikian, polisi, garis panduan dan tadbir urus berkaitan perkongsian maklumat dapat dimantapkan dan dikawal secara berpusat.

- Pembangunan hab perkongsian dan pengurusan data**
 Membangunkan strategi dan mekanisme perkongsian data merentasi PTJ dan agensi untuk menawarkan perkhidmatan yang efektif dan efisien. Perkongsian data daripada satu sumber yang sah dan sahih menerusi penyediaan platform hab perkongsian dan pengurusan data menjamin maklumat yang diperolehi adalah tepat dan terkini.

Mekanisme perkongsian data antara PTJ dan agensi perlu dibangunkan. Pemerkaasan Taksonomi Pertanian dan *Data Dictionary* Sektor Awam (DDSA) akan memastikan penggunaan terma dan format yang piawai antara PTJ dan agensi. Pelaksanaan hab seperti ini akan memastikan maklumat yang dikongsi adalah tepat, terkini dan konsisten kerana maklumat adalah daripada satu sumber yang sah dan sahih. Teknologi yang disarankan digunakan dalam pembangunan hab dan perkongsian data adalah *Service Oriented Architecture (SOA)* manakala *Enterprise Service Bus (ESB)* digunakan dalam pelaksanaan hab dan *Master Data Management* untuk menyokong perkongsian data antara PTJ dan agensi.

Perolehan nilai dari data melalui perkongsian merentasi PTJ dan agensi dapat ditingkatkan dengan menyemarakkan program Data Terbuka (Open Data) dan Data Raya (Big Data). Melaluinya, manfaat dan keupayaan analisis data dapat menjana maklumat yang strategik, tepat serta terkini bagi tujuan menjana keputusan yang tepat dan berkesan.

Adalah menjadi harapan agar manifestasi keberhasilan *data-driven decision making* sebagai pemboleh daya dan faktor penyumbang kepada lonjakan peningkatan prestasi perancangan strategik institut serta menjadi satu budaya MARDI dalam melaksanakan inisiatif transformasi.